

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN: PENGARUH PENGETAHUAN DAN TANGGAPAN KE ATAS PENGLIBATAN KOMUNITI RUMAH PANJANG

Kwok Chin Hoe & Haris Abd. Wahab¹

Abstract

This study addresses the issue of eradicating poverty by looking into the level of political support and the local government and its relation with the participation of the community in the Citizens' Prosperity Development Scheme or *Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat* (SPKR). The effort to eradicate poverty in a comprehensive manner necessitates support, commitment, and active participation from the locals. Nonetheless, the community's readiness to get involved is influenced by a variety of elements. This article contends that high political and local government support is an element that leads to high community participation in the programme. This great involvement will then contribute to the success of the programme in eradicating poverty. The questionnaire survey had been done on 260 Heads of the Household or *Ketua Isi Rumah* (KIR) of a longhouse in the Song District, Sarawak. As a whole, the discovery of the study reveals that the majority of the KIR assume that they had only received moderate level of political support and local government support (38.1%) as compared to low level (33.5%) and high level (28.5%) of support in the implementation of the programme under SPKR in the longhouse. The Chi Square Test Analysis demonstrates that there is a significant relationship ($P \leq 0.05$) between the level of political and local government support with the level of community involvement in decision-making, sharing of benefit, implementation, and programme evaluation activities, under SPKR. Such finding has portrayed the fact that the higher the political and local government support received by the community, then the higher the community's participation in activities of making decisions, implementing, sharing the benefit and evaluating the programme.

Keywords: *eradication of poverty, political support, government support, longhouse residents*

Pengenalan

Di Malaysia, isu kemiskinan mula mendapatkan perhatian serius daripada pihak pemerintah dengan teretusnya peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa ini membayangkan bahawa wujudnya pelbagai masalah terutamanya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Maka dengan itu, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1970 dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP 1) yang melibatkan tempoh rancangan selama dua puluh tahun (1971-1990). Pelaksanaan rangka rancangan ini menekankan serampang dua mata iaitu untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula komuniti di negara ini (Chamhuri 1988). Setelah tempoh pelaksanaan DEB tamat, usaha pembasmian kemiskinan secara tersusun dan

komprehensif ini diteruskan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 1991-2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001-2010. Natiujahnya, kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun dengan ketara sejak tahun 1970. Pada tahun 1970 kadar kemiskinan di Malaysia ialah sebanyak 50 peratus. Pada tahun 2005, kadar kemiskinan di Malaysia ialah sebanyak 5.7 peratus (Abdul Rahman 2007). Manakala pada tahun 2009, kadar kemiskinan di Malaysia terus berkurangan kepada 3.8 peratus.

Usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan ini dilakukan melalui pelbagai program pembasmian kemiskinan. Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) merupakan salah satu daripada bukti usaha tersebut. Usaha utama yang dilaksanakan di bawah SPKR adalah untuk membangunkan sumber manusia, menyediakan infrastruktur sosial dan meningkatkan pendapatan mereka yang berpendapatan rendah (RMK-8 2001). Ia merupakan gabungan program pembasmian kemiskinan yang sedia ada dengan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi menangani isu ketermiskinan, kemiskinan am serta mudah miskin di kawasan luar bandar dan bandar. Antara program-program yang dilaksanakan di bawah SPKR bagi membantu penduduk miskin tegar adalah seperti Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Bangunan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) serta Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera) (KKLW 2008).

Walaupun kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan untuk melaksanakan SPKR, namun demikian usaha tersebut masih tidak menampakkan perubahan yang ketara. Ketidakterhasilan usaha tersebut dikaitkan dengan kurangnya komited dalam kalangan peserta skim untuk melibatkan diri dalam program-program yang dilaksanakan di bawah SPKR (Zazali 2004). Sedangkan literatur membuktikan keberhasilan program pembasmian kemiskinan bergantung pada penglibatan masyarakat setempat. Ini adalah kerana penglibatan masyarakat setempat merupakan kunci kejayaan kepada program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan. Tanpa adanya penglibatan yang aktif dalam kalangan penerima manfaat, pelaksanaan program yang berorientasikan kesejahteraan rakyat tidak akan wujud. Ini kerana golongan penerima manfaat program lebih tahu akan keperluan mereka dan cara mengatasi permasalahan pembangunan yang berlaku dalam kalangan mereka. Walaupun penglibatan masyarakat adalah penting dalam menentukan hala tuju dan pencapaian matlamat program yang telah ditetapkan, namun begitu kesediaan masyarakat setempat untuk melibatkan diri dalam program pembasmian kemiskinan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya adalah seperti pengetahuan dan tanggapan mereka terhadap program yang diadakan. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, maka kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah pengetahuan dan tanggapan komuniti rumah panjang dengan tahap penglibatan mereka dalam program pembasmian kemiskinan di Daerah Song, Sarawak.

Faktor-faktor Mempengaruhi Penglibatan Komuniti

Penglibatan bukanlah satu konsep yang baru dalam bidang kajian pembangunan. Perkataan penglibatan telah muncul buat pertama kalinya dalam "*jargon*" pembangunan

seawal 1950-an (Rahnema 1992; White dll. 1994; Cummings 1997; Kumar 1998; Budhi 2008). Ia kemudiannya menjadi konsep utama dalam pendekatan pembangunan dan telah menjadi semakin berpengaruh sejak 1970-an dalam perancangan pembangunan luar bandar berikutan kegagalan serta kelemahan praktis “atas-bawah” (*top-down*) dalam pembangunan dan pembasmian kemiskinan luar bandar (Oakley & Marsden 1984; Leyland 1991; Cummings 1997; Bob 1998; Vixathep 2011; Moris 1981; Hadad 1983; Maimunah 1999; Kelly & Vlaenderen 1996; Sloman 2011). Istilah penglibatan boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara bergantung pada konteks dan latar belakang ianya diterapkan. Oleh itu, menjadi sesuatu yang tidak mungkin untuk membina definisi yang universal tentang penglibatan (Cohen & Uphoff 1980; Oakley & Marsden 1984; Lisk 1985; Leyland 1991; Oakley 1991; Bhose 2003; Mosse 2004; Cook & Kothari 2001). Penulis seperti Joshi (1995) dan Soen (1981) turut menjelaskan bahawa penggunaan istilah penglibatan boleh diubahsuai dengan kata adjektif sehingga terhasilnya ungkapan seperti penglibatan masyarakat, penglibatan komuniti (*community participation*), penglibatan orang ramai (*people participation*), penglibatan warga negara (*citizen participation*), penglibatan awam (*public participation*) dan penglibatan sukarela.

Antara pengertian umum mengenai istilah penglibatan yang boleh ditemui adalah sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Lele (1975), Cohen dan Uphoff (1977), Midgley (1986) dan Paul (1987). Lele (1975) menerangkan bahawa penglibatan adalah untuk menyedarkan orang ramai dan bagi meningkatkan penerimaan dan keupayaan komuniti luar bandar untuk bertindak balas terhadap program pembangunan serta menggalakkan inisiatif tempatan. Pengertian yang hampir sama turut diutarakan oleh Midgley (1986) yang menjelaskan penglibatan pada dasarnya merupakan keupayaan untuk mengukuhkan kapasiti individu dan komuniti untuk memobilisasikan serta membantu diri mereka sendiri. Paul (1987) pula melihat penglibatan komuniti sebagai proses aktif bagi memberi manfaat atau memenuhi keperluan komuniti yang berkaitan dengan projek pembangunan dengan tujuan untuk memperbaiki kehidupan, yang meliputi pendapatan, pertumbuhan peribadi, “*self-reliance*” atau nilai lain yang dipegang oleh mereka. Lyndon dan rakan-rakan (2012) dalam artikel mereka yang bertajuk *Bidayuh World View On Participation And Empowerment In Community Development* turut mengutip sudut pandangan pengertian penglibatan daripada golongan penerima manfaat dalam program atau projek pembangunan. Golongan penerima manfaat berpendapat penglibatan adalah satu proses di mana orang kampung diberi peluang untuk menyertai dan menyampaikan pandangan atau idea-idea dalam proses membuat keputusan tanpa ada sebarang sekatan atau perasaan ketakutan; program pembangunan yang diberikan kepada komuniti juga selaras dengan keperluan dan sumber-sumber yang ada pada mereka.

Awortwi (2012) merujuk penglibatan komuniti sebagai proses di mana orang-orang yang sepatutnya mendapat manfaat daripada projek-projek pembangunan tempatan mempengaruhi hala tuju dan pelaksanaannya dan bukannya hanya menerima bahagian manfaat. Fatemeh (2011) pula mendefinisikan penglibatan komuniti itu sebagai satu mekanisme yang memberi kuasa kepada komuniti untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti yang bersangkutan dengan komuniti tersebut. Sementara itu, Cohen dan Uphoff (1977) pula melihat penglibatan sebagai “*people’s involvement in the decision-making processes, in implementing programmes, sharing in the benefits of development programmes and their involvement in the efforts to evaluate such programmes*” (Cohen & Uphoff 1977). Takrifan yang diberikan oleh mereka memberi

penekanan bahawa penglibatan haruslah merangkumi empat aspek utama iaitu penglibatan dalam membuat keputusan, penglibatan dalam pelaksanaan program, penglibatan dalam berkongsi manfaat dan penglibatan dalam penilaian program pembangunan. Mohammed Sulemana dan Ibrahim Ngah (2012) serta Oakley (1991) menekankan bahawa pengertian penglibatan oleh Cohen dan Uphoff (1977) dilihat lebih berpengaruh khususnya dalam mengenal pasti peringkat utama kitaran projek-projek pembangunan. Bagi tujuan penyelidikan ini, fokus pengertian penglibatan yang digunakan adalah definisi penglibatan yang dikemukakan oleh Cohen dan Uphoff (1977), kerana definisi tersebut selaras dengan objektif kajian ini. Oleh itu, hanya aktiviti-aktiviti komuniti setempat yang berkaitan dengan penglibatan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian aktiviti program pembasmian kemiskinan dianggap sebagai penglibatan dalam kajian ini.

Seperti mana yang diperkatakan oleh Conyers (1982), penglibatan komuniti itu penting kerana penglibatan adalah satu cara mendapatkan maklumat tentang keadaan, keperluan dan sikap komuniti setempat kerana tanpa penglibatan komuniti, program dan projek-projek pembangunan besar kemungkinan akan gagal. Penglibatan komuniti juga dapat mewujudkan kepercayaan dalam kalangan komuniti bahawa mereka memiliki proses pembangunan tersebut serta memastikan pembangunan mapan dan kesinambungan proses pembangunan. Selain itu, penglibatan penduduk setempat dalam projek-projek perancangan juga mampu meningkatkan komitmen mereka terhadap projek tersebut, membantu mereka membangunkan kemahiran teknikal dan pengurusan organisasi yang akan meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan (Rifkin & Kangere 2001). Kegagalan agensi pelaksana melibatkan golongan miskin dalam reka bentuk program pembangunan merupakan antara punca yang menyebabkan berlakunya kemiskinan (World Bank 1996).

Literatur membuktikan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penglibatan komuniti dalam program pembasmian kemiskinan dan pembangunan yang direncanakan untuk komuniti setempat. Antaranya adalah seperti faktor demografi dan sosial-ekonomi (Haris, 2004; Tahmee et al. 2010; Anyoha 2011; Augustine & Paul 2012; Awortwi 2012), pengetahuan (Haris 2007; Bahaman 1992), tanggapan (Alhaji Abdu Geidam, Marof & Asnarulkhadi 2012; Haris 2007; Anuar Ahmad 2001; Adam 1993), sikap (Seyed Hamid Sharifah Norazizan & Nobaya Ahmad 2010; Asadi, Sharifzadeh & Sharifi 2009; Shahroudi & Chizari 2008; Vicente & Reis 2008; Stevenson 2007), desentralisasi kuasa (Johnston 1982; Finsterbusch & Wicklin 1989; Smith 1991) dan pengupayaan (Alhaji Abdu Geidam, Marof Redzuan & Asnarulkhadi 2012; Lim, 2009; Ong 2009; Rahman & Naoroza 2007; Omar Othman 2004). Perbincangan dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada dua faktor utama iaitu faktor pengetahuan dan faktor tanggapan.

Rahim dan Asnarulkhadi (2010) menyatakan bahawa individu yang mempunyai pengetahuan tertentu adalah lebih sedar dan juga mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai sesuatu keadaan atau isu yang berkaitan dengan kehidupan mereka yang kemudiannya mempengaruhi kepercayaan mereka terhadap perkara-perkara tersebut. Sekiranya ahli komuniti setempat tahu bagaimana untuk terlibat, mereka kemungkinan cenderung memilih untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti pembangunan secara sukarela, tanpa sebarang paksaan daripada agensi pelaksana. Bahaman (1992) dalam kajiannya di Semenanjung Malaysia mendapati tahap pengetahuan masyarakat tentang Projek Pembangunan Bersepadu berkait dengan tahap penglibatan mereka dalam projek tersebut. Ini disokong oleh Haris (1996) dalam kajiannya di Kelantan yang mendapati

masyarakat yang tinggi pengetahuan tentang program PMAK lebih ramai berada pada tahap tinggi dalam penglibatan membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian. Manakala masyarakat yang rendah tahap pengetahuan tentang PMAK pula paling ramai berada pada tahap rendah bagi kesemua penglibatan tersebut.

Keterlibatan ahli komuniti dalam program dan projek pembangunan turut dipengaruhi oleh tanggapan mereka terhadap program (Alhaji Abdu Geidam, Marof Redzuan & Asnarulkhadi 2012; Haris 2007; Anuar Ahmad 2001; Adam 1993). Haris (2007) turut menegaskan bahawa penglibatan ahli komuniti dalam pelaksanaan projek bergantung kepada tanggapan mereka terhadap nilai faedah yang dijangka akan dinikmati sekiranya mereka memutuskan untuk mengambil bahagian dalam projek tersebut. Apabila jangkakan terhadap hasil daripada penglibatan adalah tinggi, maka peserta akan melibatkan diri; dan apabila jangkakan terhadap hasil daripada penglibatan adalah rendah, kemungkinan peserta tidak menyertai program tersebut adalah tinggi. Sungguhpun demikian, jangkakan nilai faedah yang tinggi terhadap penyertaan ahli komuniti belum tentu menjamin bahawa mereka akan melibatkan diri dalam projek tersebut. Ini kerana, keputusan akhir sama ada mereka terlibat atau tidak terlibat adalah terletak pada mereka sendiri. Dengan memfokuskan pada Program Rakan Muda sektor industri, Anuar Ahmad (2001) mendapati faktor angkubah tidak bersandar dalam kajian tersebut iaitu faktor tanggapan mempunyai korelasi yang signifikan dengan penglibatan pekerja-pekerja kilang dalam Program Rakan Muda sektor industri. Adam (1993) yang menjalankan kajian bagi mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan penglibatan pendengar dalam program pembangunan siaran radio tempatan di Negeri Sembilan turut menemui terdapatnya perhubungan yang positif antara penglibatan dengan tanggapan. Bertitik tolak daripada tinjauan literatur tersebut, terdapatnya keperluan bagi meneliti hubungan antara angkubah pengetahuan dan tanggapan dengan penglibatan komuniti rumah panjang dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan tinjauan deskriptif. Kajian yang bersifat mikro ini menumpukan kepada sebuah daerah di Bahagian Kapit, Sarawak iaitu Daerah Song sebagai lokasi kajian. Bahagian Kapit mempunyai tiga buah daerah pentadbiran iaitu Daerah Song, Daerah Kapit dan Daerah Belaga yang membentuk bahagian terbesar di Negeri Sarawak dengan keluasan 38,934 kilometer persegi. Daerah Song yang terletak di Wilayah Tengah Negeri Sarawak dan bersempadan dengan Kalimantan Selatan dengan keluasan 3,935.20 kilometer persegi telah menjadi sebuah daerah bersama dengan pengisytiharan Kapit sebagai sebuah bahagian pentadbiran dalam negeri Sarawak pada 2 April 1973 (Profil Daerah Song). Untuk tujuan kajian ini, seramai 260 responden yang merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) dipilih menerusi tiga tahap persampelan rawak iaitu (i) pemilihan kawasan rumah panjang, (ii) pemilihan rumah panjang dan (iii) pemilihan responden. Maklumat kajian dikumpulkan melalui temu bual berstruktur menggunakan borang soal selidik. Maklumat yang diperolehi melalui temu bual berstruktur dianalisis menggunakan perisian SPSS 16.0. Ia terbahagi kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama ialah maklumat latar belakang demografi dan sosioekonomi responden kajian. Bahagian kedua ialah pernyataan-

pernyataan berkait dengan empat bentuk penglibatan iaitu penglibatan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian. Bahagian ketiga pula memuatkan pernyataan-pernyataan khusus bagi mengukur pengetahuan penduduk rumah panjang tentang SPKR. Bahagian terakhir pula melibatkan pernyataan yang dibina dan dibentuk bagi mengukur tanggapan penduduk rumah panjang terhadap SPKR. Data kajian yang terkumpul kemudiannya dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS 16.0. Analisis statistik *Chi-Square* (X^2) telah digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara angkubah pengetahuan dan tanggapan dengan tahap penglibatan penduduk rumah panjang dalam program di bawah SPKR.

Dapatan Kajian

Latar Belakang Responden Kajian

Berdasarkan analisis data kajian, didapati sebahagian besar (85.8%) daripada KIR yang telah turut serta mengambil bahagian dalam kajian ini adalah terdiri daripada golongan lelaki (Jadual 2). Hanya sebilangan kecil (14.2%) daripada KIR di rumah panjang yang telah ditemubual adalah golongan wanita. Dari segi umurnya pula, purata umur KIR di rumah panjang yang menjadi responden kajian adalah 57 tahun. Umur minima KIR yang telah terlibat dalam soal selidik ini adalah 34 tahun dan umur maksimumnya pula adalah 86 tahun. Analisis data kajian turut menunjukkan sebahagian besar (88.5%) daripada KIR di rumah panjang adalah mereka yang telah berkahwin. Hanya 3.8 peratus adalah KIR yang belum berkahwin. Responden selebihnya adalah KIR yang berstatus duda (1.2%), janda (2.7%) dan balu (3.8%). Tinjauan yang dijalankan mendapati purata bilangan isi rumah dalam sesebuah isi rumah adalah 6 orang (Jadual 2). Hampir separuh (48.1%) daripada KIR adalah mereka yang tinggal dalam bilangan isi rumah antara 4 hingga 6 orang. Bilangan isi rumah maksima dalam sesebuah keluarga adalah 13 orang. Terdapat juga KIR dalam kalangan penduduk di rumah panjang yang tinggal berseorangan. Dari segi tahap pendidikan pula, lebih separuh (58.5%) daripada keseluruhan responden kajian yang telah ditemubual menyatakan mereka tidak pernah mendapatkan pendidikan sama ada secara formal atau pun tidak formal. Sebanyak 38.1 peratus lagi adalah mereka yang berjaya mendapatkan pendidikan sehingga SPR dan UPSR. Hanya 3.1 peratus (lapan orang) daripada KIR di rumah panjang yang ada mendapatkan pendidikan sehingga PMR. Selebihnya (0.4%) atau seorang sahaja daripada 260 KIR yang telah terlibat dalam kajian ini memiliki tahap pendidikan sehingga SPM. Lebih separuh (58.5%) daripada KIR di rumah panjang adalah mereka yang bekerja sebagai petani (Jadual 2).

Jadual 2 : Latar Belakang Respond

Ciri-ciri		Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	85.8
	Wanita	14.2
Umur	40 tahun ke bawah	4.2
	41 tahun hingga 50 tahun	22.7
	51 tahun hingga 60 tahun	38.8
	61 tahun hingga 70 tahun	24.2
	71 tahun ke atas	10.0
	Umur Purata = 57	
	Umur minima = 34 Umur maksima = 86	
Taraf Perkahwinan	Belum Berkahwin	3.8
	Berkahwin	88.5
	Duda	1.2
	Janda	2.7
	Balu	3.8
Saiz Isi Rumah	1 hingga 3	18.1
	4 hingga 6	48.1
	7 hingga 9	27.7
	Lebih daripada 9	6.2
	Sais isi rumah purata = 6 Sais isi rumah minima = 1 Sais isi rumah maksima = 13	
Taraf Pendidikan	Tidak Sekolah	58.5
	SPR / UPSR	38.1
	PMR	3.1
	SPM / SPMV	0.4
Pekerjaan	Tiada Pekerjaan	21.2
	Suri rumah	5.8
	Petani	58.5
	Buruh Kasar	11.5
	Kerja Kerajaan	3.1

Pengetahuan Tentang SPKR

Analisis Khi Kuasa Dua digunakan untuk melihat hubungan antara faktor diri individu dengan penglibatan komuniti rumah panjang dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR. Faktor diri individu yang cuba dikenal pasti dalam kajian ini adalah faktor pengetahuan tentang program di bawah SPKR dan faktor tanggapan terhadap program di bawah SPKR. Pengetahuan penduduk luar bandar tentang program dan projek yang dilaksanakan di kawasan mereka adalah penting. Ini kerana pengetahuan tentang program dan projek adalah salah satu indikator penting penglibatan (Oakley 1991). Tanpa adanya kesedaran dan pengetahuan tentang program pembangunan yang sedang dilaksanakan, masyarakat setempat mungkin tidak akan melibatkan diri. Dalam kajian ini, pengetahuan komuniti rumah panjang tentang program di bawah SPKR diukur berdasarkan pengetahuan umum tentang SPKR, pengetahuan tentang objektif SPKR dan pengetahuan tentang komponen program yang dilaksanakan di bawah SPKR.

Sela skor tahap pengetahuan penduduk rumah panjang tentang SPKR ditentukan dengan menjumlahkan skor empat belas item yang telah digunakan dalam borang soal selidik. Skor yang diberikan kepada setiap item sama ada kosong atau satu. Bagi jawapan yang tepat diberi skor satu dan bagi jawapan yang tidak tepat tidak diberi skor. Skor yang diperoleh diklasifikasikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor yang kurang daripada 2 adalah menunjukkan tahap pengetahuan tentang SPKR yang rendah. Skor antara 3 hingga 6 menunjukkan tahap pengetahuan tentang SPKR yang sederhana dan skor 7 dan ke atas adalah menunjukkan tahap pengetahuan tentang SPKR yang tinggi. Penentuan sela skor tahap pengetahuan tentang SPKR adalah berdasarkan nilai purata dan sisihan piawai. Tahap pengetahuan rendah ditentukan dengan cara purata skor ditolak nilai sisihan piawai. Tahap pengetahuan tinggi pula ditentukan dengan cara purata skor ditambah dengan nilai sisihan piawai. Tahap pengetahuan sederhana adalah nilai skor antara tahap pengetahuan rendah dan tahap pengetahuan tinggi. Data yang merekodkan keputusan ujian skor purata dan sisihan piawai keseluruhan pengetahuan tentang program di bawah SPKR dan sela skor tahap pengetahuan tentang SPKR adalah seperti di Jadual 3. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan kurang daripada separuh (45.8%) daripada masyarakat Iban yang telah ditemu bual mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana tentang SPKR (Jadual 3). Hanya sebilangan kecil (26.5%) sahaja masyarakat Iban yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang SPKR yang dilaksanakan di tempat mereka. Selebihnya (27.7%) adalah KIR yang masih lagi berada pada tahap rendah. Purata skor pengetahuan tentang SPKR yang diperoleh masyarakat Iban ialah sebanyak 4.67 dengan skor minimum 1 dan skor maksimum 11.

Jadual 3 : Tahap Pengetahuan Tentang SPKR

Tahap Pengetahuan Tentang SPKR	Bil	%
Rendah (Skor \leq 2)	72	27.7
Sederhana (Skor 3 - 6)	119	45.8
Tinggi (Skor \geq 7)	69	26.5

Skor Purata = 4.67
Sisihan Piawai = 2.56

Skor minima = 1
Skor maksima = 11

Hubungan Pengetahuan dengan Tahap Penglibatan

Analisis ujian statistik Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perkaitan signifikan ($P \leq 0.05$) antara tahap pengetahuan masyarakat dengan tahap penglibatan dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR (Jadual 4). Penemuan ini menggambarkan semakin tinggi tahap pengetahuan masyarakat, maka semakin tinggi tahap penglibatan masyarakat dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program. KIR atau individu dalam kalangan penduduk rumah panjang yang mempunyai pengetahuan yang lebih baik sering kali diberikan kepercayaan untuk mewakili mereka dalam menghadiri mesyuarat bersama agensi pelaksana, menyuarakan keperluan penduduk serta bertanggungjawab untuk membuat keputusan bagi pihak penduduk rumah panjang berkait dengan program-program di bawah SPKR. Dari segi pelaksanaan program, KIR dalam kalangan penduduk rumah panjang yang lebih berpengetahuan khususnya dari segi syarat-syarat bantuan program di bawah SPKR juga akan lebih mudah untuk mengenal pasti komponen program di bawah SPKR yang memenuhi syarat kelayakan yang membolehkan mereka memohon atau menerima bantuan tersebut daripada agensi pelaksana. Ini secara langsung telah memberi peluang dan membolehkan KIR terbabit untuk menerima kemudahan dan faedah sosial hasil daripada bantuan program di bawah SPKR yang dilaksanakan di rumah panjang. Mereka yang memiliki pengetahuan umum tentang SPKR, objektif SPKR dan komponen program di bawah SPKR juga akan lebih aktif dalam aktiviti penilaian dengan mengadakan perbincangan dengan jiran atau rakan, penghulu, tuai rumah, JKKK rumah panjang dan pegawai program SPKR yang berkaitan dengan program-program di bawah skim tersebut.

Jadual 4 : Tahap Pengetahuan Tentang SPKR dan Tahap Penglibatan

Tahap Pengetahuan	Tahap Penglibatan															
	Membuat Keputusan				Pelaksanaan				Berkongsi Manfaat				Penilaian			
	TT	R	S	T	TT	R	S	T	TT	R	S	T	TT	R	S	T
Rendah	25.0	27.8	37.5	9.7	0.0	47.2	52.8	0.0	1.4	72.2	19.4	6.9	2.8	48.6	41.7	6.9
Sederhana	5.9	10.1	63.9	20.2	0.0	13.4	73.9	12.6	0.0	24.4	56.3	19.3	0.0	21.8	49.6	28.6
Tinggi	1.4	2.9	58.0	37.7	0.0	1.4	49.3	49.3	0.0	4.3	43.5	52.2	0.0	8.7	26.1	65.2
Nilai X^2	60.135***				97.385***				1.032***				72.160***			

Nota : TT = Tidak Terlibat, R = Rendah, S = Sederhana, T = Tinggi
 $*P \leq 0.05$, $**P \leq 0.01$, $***P \leq 0.001$

Tanggapan terhadap SPKR

Faktor tanggapan komuniti rumah panjang terhadap SPKR merangkumi dua aspek, iaitu tanggapan terhadap program di bawah SPKR dan tanggapan terhadap pegawai program SPKR yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti program di bawah SPKR. Tahap

tanggapan komuniti rumah panjang terhadap SPKR ditentukan dengan menjumlah skor daripada lapan belas pernyataan yang terdapat dalam borang soal selidik. Tahap tanggapan rendah ditentukan dengan cara purata skor ditolak nilai sisihan piawai. Tahap tanggapan tinggi pula ditentukan dengan cara purata skor ditambah dengan nilai sisihan piawai. Tahap tanggapan sederhana adalah nilai skor antara tahap tanggapan rendah dan tahap tanggapan tinggi. Dalam kajian ini, skor purata yang diperolehi ialah 54.60, nilai sisihan piawai ialah 3.58, dengan skor minima sebanyak 47 dan skor maksima sebanyak 70 (Jadual 5). Skor yang kurang daripada 51 adalah menunjukkan tahap tanggapan terhadap SPKR yang rendah. Skor antara 52 hingga 57 menunjukkan tahap tanggapan terhadap SPKR yang sederhana dan skor 58 dan ke atas adalah menunjukkan tahap tanggapan terhadap SPKR yang tinggi. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (64.2%) daripada masyarakat Iban mempunyai tanggapan yang sederhana terhadap SPKR (Jadual 5). Lebih ramai masyarakat Iban yang mempunyai tahap tanggapan yang rendah (18.1%) terhadap SPKR berbanding dengan mereka yang mempunyai tahap tanggapan yang tinggi (17.7%) terhadap program di bawah SPKR yang dilaksanakan di tempat mereka.

Jadual 5 : Tahap Tanggapan Terhadap SPKR

Tahap Tanggapan Terhadap SPKR	Bil	%
Rendah (Skor \leq 51)	47	18.1
Sederhana (Skor 52 - 57)	167	64.2
Tinggi (Skor \geq 58)	46	17.7

Skor Purata = 54.60

Sisihan Piawai = 3.58

Skor minima = 47

Skor maksima = 70

Hubungan Tanggapan dengan Tahap Penglibatan

Analisis ujian statistik Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan ($P \leq 0.05$) antara tahap tanggapan masyarakat terhadap program di bawah SPKR dengan tahap penglibatan masyarakat dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR (Jadual 6). Penemuan ini menjelaskan bahawa tahap penglibatan dalam kalangan masyarakat yang beranggapan positif terhadap program di bawah SPKR lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan aktiviti penilaian program di bawah SPKR yang dilaksanakan di kawasan mereka. Keadaan ini menggambarkan KIR yang mempunyai tanggapan yang positif terhadap program di bawah SPKR dan pegawai program di bawah SPKR lebih mudah untuk turut terlibat dalam aktiviti membuat keputusan seperti mesyuarat, menanyakan soalan dan memberikan pendapat. Tanggapan yang positif juga mendorong KIR di rumah panjang untuk lebih bersedia menyumbang dari segi tenaga fizikal, wang tunai dan kemudahan dalam aktiviti pelaksanaan program di bawah SPKR serta lebih berpeluang menerima kemudahan, faedah sosial dan segala keperluan sepanjang pelaksanaan program di bawah skim tersebut. Penemuan ini juga menggambarkan mereka yang bertanggapan positif lebih senang untuk mengadakan perbincangan kemajuan program di bawah

SPKR bersama dengan pegawai program SPKR serta pegawai agensi lain yang turut terlibat dalam menguruskan program-program di bawah SPKR. Penemuan kajian ini sependapat dengan kajian yang telah dilakukan oleh Haris (1996) yang mendapati faktor tanggapan peserta terhadap program PMAK mempunyai perbezaan yang signifikan dari segi keempat-empat bentuk penglibatan dalam program pembangunan komuniti PMAK serta penemuan oleh Alhaji Abdu Geidam, Marof dan Asnarulkhadi (2012) yang mengesahkan terdapatnya hubungan antara tanggapan responden dengan penglibatan komuniti.

Jadual 6 : Tahap Tanggapan Terhadap SPKR dan Tahap Penglibatan

Tahap Tanggapan	Tahap Penglibatan															
	Membuat Keputusan				Pelaksanaan				Berkongsi Manfaat				Penilaian			
	TT	R	S	T	TT	R	S	T	TT	R	S	T	TT	R	S	T
Rendah	14.9	29.8	40.4	14.9	0.0	55.3	42.6	2.1	2.1	57.4	29.8	10.6	4.3	46.8	40.4	8.5
Sederhana	6.6	10.8	64.1	18.6	0.0	8.4	74.3	17.4	0.0	29.9	49.1	21.1	0.0	23.4	42.5	34.1
Tinggi	17.4	4.3	37.0	41.3	0.0	23.9	34.8	41.3	0.0	15.2	32.6	52.2	0.0	13.0	37.0	50.0
Nilai X²	35.813***				73.684***				41.540***				33.552***			

Nota : TT = Tidak Terlibat, R = Rendah, S = Sederhana, T = Tinggi, J = Jumlah
 * $P \leq 0.05$, ** $P \leq 0.01$, *** $P \leq 0.0$

Penutup

Penemuan kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan ($P \leq 0.05$) di antara faktor pengetahuan dan tanggapan dengan tahap penglibatan komuniti rumah panjang dalam keempat-empat bentuk penglibatan iaitu penglibatan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR. Ini menggambarkan semakin tinggi pengetahuan dan tanggapan komuniti rumah panjang terhadap program di bawah SPKR, maka semakin tinggi tahap penglibatan mereka dalam keempat-empat bentuk penglibatan tersebut. Berdasarkan fakta ini, program-program pembasmian kemiskinan yang sedia ada khususnya program di bawah SPKR perlulah memberi penekanan kepada peningkatan pengetahuan dan mengubah tanggapan negatif penduduk rumah panjang mengenai program tersebut. Pegawai program perlu kerap turun padang untuk mengadakan interaksi bersama penduduk panjang. Pegawai program juga perlu mengadakan sesi dialog dan ceramah bagi menyalurkan informasi penting berkaitan dengan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan kepada penduduk rumah panjang. Dengan demikian, ia dapat membantu meningkatkan pengetahuan penduduk rumah panjang tentang program-program yang dilaksanakan di tempat mereka. Usaha juga perlu dilakukan bagi membentuk tanggapan yang positif dalam kalangan penerima manfaat ke atas program pembasmian kemiskinan dan pegawai program yang terlibat dalam mengurus program-program tersebut. Dengan demikian, penduduk rumah panjang akan memiliki tahap pengetahuan dan tanggapan yang lebih baik mengenai program pembasmian yang dilaksanakan di tempat mereka.

Tahap pengetahuan dan tanggapan yang baik pula akan dapat membantu meningkatkan penyertaan penduduk rumah panjang dalam program tersebut ke tahap yang lebih tinggi. Kerajaan juga perlu beralih daripada pendekatan atas-bawah kepada pendekatan penglibatan dalam pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan. Dengan melibatkan penduduk rumah panjang dalam program di bawah SPKR, diharapkan dapat menyumbang kepada kejayaan program pembasmian kemiskinan yang diusahakan oleh pihak kerajaan.

Nota

- ¹ Kwok Chin Hoe adalah pelajar Ijazah Sarjana di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial manakala Haris Abdul Wahab merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong, 2007. *Pembangunan negara, komuniti dan insan melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian dan Antarabangsa.
- Adam Tanko Zakariah, 1993. *Factors associated with audience participation in local radio development programmes in Negeri Sembilan, Malaysia*. Tesis Sarjana, Universiti Pertanian Malaysia.
- Alhaji Abdu Geidam, Marof Redzuan & Asnarulkhadi, 2012. 'Assessment of participation in afforestation programme and relationship to empowerment'. *International Journal of Academic Reseach in Business and Social Sciences* 2(8).
- Anuar Ahmad, 2001. *Tahap penglibatan pekerja-pekerja kilang dalam Program Rakan Muda sektor industri*. Laporan Projek Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Anyoha, NO, 2011. 'Factors influencing rural women's participation in development programmes in Rivers State Nigeria: Key for social exclusion elimination'. *Journal of Community Mobilization and Sustainable Development* 6(1).
- Asadi, A, Sharifzadeh, AGH & Sharifi, M., 2009. 'Investigating patterns of people participation in development process of Mangrove Forest in south of Iran'. *Iranian Journal of Natural Resources* 61(4).
- Augustine OA & Paul Itari, 2012. 'Socio-economic factors influencing farmers' participation in community development organizations in Obubra Local Government Area (LGA) of Cross River State, Nigeria'. *Canadian Social Science* 8(1).
- Awortwi, N., 2012. 'The riddle of community development: Factors influencing participation and management in twenty-nine African and Latin American communitie'. *Community Development Journal*.
- Bahaman Abu Samah, 1992. *An assessment of former's participation in Integrated Agriculture Development Project in paninsular Malaysia*. Tesis Ph.D, Iowa State University.
- Bhose, Joel SGR, 2003. *NGOs and rural development: theory and practice*. New Delhi: Concept Pub. Co.
- Bob, B.S., 1998. *Participation of the poor in rural development programmes, selected case studies*. New Delhi: Discovery Publishing House.
- Budhi, G.S., 2008. 'Escalating people's participation in rural development through Go-NGO collaboration'. *Forum Penelitian Agro Ekonomi* 26(1).

- Chamhuri Siwar, 1988. *Dasar dan strategi pembasmian kemiskinan: Kumpulan rencana tentang kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cohen, JM & Uphoff, NT., 1977. *Rural development participation: Concepts and measures for project design, implementation and evaluation*. New York: Cornell University Ithaca.
- Cohen, JM & Uphoff, NT., 1980. 'Participation's place in rural development: Seeking clarity through specificity'. *World Development* 8.
- Conyers, D., 1982. *An introduction to social planning in the Third World*. Chichester: Wiley.
- Cooke, B & Kothari, U., 2001. *Participation: The new tyranny?* (Pyt.). London: Zed Books.
- Cummings, F.H., 1997. 'Role of participation in the evaluation and emplementation of development projects'. *Knowledge and Policy: The International Journal of Knowledge Transfer and Utilization* 10(1/2).
- Finsterbusch, K. & Van Wicklin, WIII., 1987. 'The contribution of beneficiary participation to development project effectiveness'. *Public Administration and Development* 7.
- Gaventa, J., 2004. Towards participatory local governance: Assessing the transformative possibilities'. Dalam: Hickey, S. & Mohan, G. (Pyt.). *Participation: From Tyranny to transformation*. London: Zed Books.
- Hadad, I., 1983. *Menampilkan potret pembangunan berwajah swadaya masyarakat*. Jakarta: PRISMA.
- Haris Abd. Wahab, 1996. *Penglibatan peserta dalam Program Pembangunan Komuniti di Kampung Buloh, Kelantan*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- _____, 2004. *Penglibatan masyarakat tempatan dalam projek pembangunan komuniti*. Dalam: Dani Salleh (Pyt.), *Pembangunan komuniti: Dasar, konsep, strategi dan isu di Malaysia*. Kedah: Penerbit Universiti Utara.
- _____, 2007. *Penglibatan masyarakat tani dalam pembangunan komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Johnston, M., 1982. The Labyrinth of community participation: Experience in Indonesia. *Community Development Journal* 17(3).
- Joshi, N.N., 1995. *Factors influencing participation of members of forest user groups in community forestry in the Hills of Nepal*. Tesis Ph.D, Universiti Pertanian Malaysia.
- Kelly, K. & Vlaenderen, H.V., 1996. 'Dynamics of participation in a community health Project'. *Journal of Social Science and Medicine* 42(9).
- Korten, D., 1990. *Getting to the 21st century': Voluntary action and the global agenda*. Connecticut: Kumarian Press.
- Kumar, V., 1998. Politic of empowerment: Participation as a discourse of power. Dalam: Bindeshwar Pathak (Pyt.), *Continuity and change in Indian society*. New Delhi: Ashok Kumar Mittal.
- Lele Uma, 1975. *The design of rural development*. Baltimore: John Hopkins University Press.
- Leyland, T., 1991. *Participation in the 80s and 90s: Who asks the questions in livestock development?*. Tesis Sarjana, University of Edinburgh.
- Lim, Y.Y., 2009. *Empowering the Semai people through participation in community development programmes*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Lisk, F., 1981. 'Popular participation in basic needs oriented development planning'. *Labour and Society* 6(1).
- Lyndon, N. et al., 2012. 'Bidayuh world view on participation and empowerment in community development'. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6(1).
- Maimunah Ismail, 1999. *Pengembangan: Implikasi ke atas pembangunan masyarakat* (2nd Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Midgley, J. et al., 1986. *Community participation, social development and the state*. New York: Methuen.
- Mikkelsen, B. 1995. *Methods for development work and research: A guide for practitioners*. New Delhi: Sage Publications.
- Mohammed Sulemana & Ibrahim Ngah, 2012. 'Participatory planning: Ending the controversies'. *European Journal of Social Sciences* 28(1).
- Moris, J.R., 1981. *Managing induced rural development*, International Development Institute. Indiana: Bloomington.
- Mosse, D., 2004. 'Is good policy unimplementable? Reflections on the ethnography of aid policy and practice'. *Development and Change* 35.
- Oakley, P. & Marsden, D., 1984. *Approaches to participation in rural development*. Geneva: ILO.
- Oakley, P., 1991. *Projects with people: The practice of participation in rural development*. Geneva: International Labour Office.
- Omar Othman, 2004. *Orang Asli dalam politik dan pembangunan di Pahang*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Ong, S.T., 2009. *Women empowerment through tourism – form social entrepreneurship perspectives*. Tesis Ph.D, The Netherlands Wageningen University.
- Parkinson, S., 2008. *Learning participation in rural development: A study of Uganda's National Agricultural Advisory Services*. Tesis Ph.D, University of Guelph.
- Paul, S., 1987. *Community participation in development projects*. Kertas Perbincangan, No. 6., World Bank, Washington DC.
- Rahim, M.S, & Asnarulkhadi, A.S., 2010. 'Community development through community capacity building: A social science perspective'. *Journal of American Science* 6(2).
- Rahman, M.H. & Naoroze, K., 2007. 'Women empowerment through participation in aquaculture: Experience of a large-scale technology demonstration project in Bangladesh'. *Journal of Social Sciences* 3(4).
- Rahnema, M., 1992. Participation. Dalam: Sachs, W. (Pyt.), *The development dictionary: A guide to knowledge as power*. London: Zed Press.
- Randell, M., 2004. 'Constructing participation spaces'. *Community Development Journal* 39(2).
- Rifkin, S.B. & Kangere, M., 2001. What is participation? Dalam Sally Hartley (Pyt.), *CBR: A participatory strategy in Africa*, Uganda National Institute of Special Education (UNISE), Uganda.
- Seyed Hamid Mohammadi, Sharifah Norazizan & Nobaya Ahmad, 2010. 'Citizen's attitude toward's local government and citizen's participation in local government'. *Journal of American Science* 6(11).
- Shahroudi, A.A. & Chizari, M. 2008. 'Factors influencing farmer's attitude toward participation in water users association: A case study in Khorasan-e-Razavi Province, Iran'. *Journal of Science and Technologic Agriculture and Natural Resources* 11(42).
- Slovan, A. 2011. 'Using participatory theatre in international community development'. *Community Development Journal* 4(1).
- Smith, B.C., 1998. 'Participation without power: Subterfuge or development?'. *Community Development Journal* 33(3).
- Soen, D., 1981. 'Citizen and community participation in urban renewal and rehabilitation- comments on theory and practice'. *Community Development Journal* 16(2).

- Stevenson, L. 2007. Public attitudes to local government in Scotland: A literature review. [online] Diperolehi dari: <http://www.improvementservice.org.uk>
- Tahmeena Dilshad, Ghulam Yasin & Muhammad Ishaque Fani, 2010. 'Impacts of socio-economic factors on participatory community development: A case of Tehsil Dera Ghazi Khan'. *European Journal of Social Sciences* 18(2).
- Vicente, P. & Reis, E., 2008. 'Factors influencing households' participation in recycling'. *Waste Management and Research* 26(2).
- Vixathep, K., 2011. *Women's participation in community development projects: The case of Khmu women in Laos*. Sarjana Sains Gunaan, Lincoln University.
- White, S. et al., 1994. *Participatory communication: Working for change and development*. New Delhi: Sage Publications.
- World Bank, 1996. *The World Bank participation sourcebook*. Washington DC: World Bank.
- Zazali Salehudin, 2004. Dasar, strategi dan pelaksanaan kemiskinan daripada perspektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Dalam: Mohamad Khairudin Mohamad & Ahmad Syahir Sarani (Pyt.), *Pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar*. Petaing Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND).

